

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,**

**PARLIMEN KETIGA BELAS**

**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN TAN KOK WAI [ CHERAS ]**

**TARIKH : 5 NOVEMBER 2015 [KHAMIS]**

**SOALAN :**

**YB TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bagaimana isi rumah 40% terendah boleh mencapai status kelas pertengahan pada 2020 meskipun kegawatan ekonomi berpanjangan ini mengganggu kenaikan gaji dan pendapatan mereka.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya komited untuk meningkatkan taraf kumpulan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (isi rumah B40) ke arah masyarakat kelas menengah walaupun negara berhadapan dengan pelbagai cabaran ekonomi.

Pelbagai program/projek pembangunan Kerajaan yang dilaksanakan, termasuk pemberian pindahan tunai antaranya Bantuan Rakyat 1Malaysia, telah memberi kesan yang positif kepada sosioekonomi isi rumah Malaysia, terutamanya isi rumah B40. Berdasarkan laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS) 2014 menunjukkan pendapatan bulanan purata isi rumah B40 telah meningkat pada kadar 12.0% berbanding isi rumah berpendapatan 20 peratus tertinggi (isi rumah T20) yang meningkat sebanyak 7.5% bagi tempoh tahun 2009 hingga 2014.

Inisiatif meningkatkan taraf kumpulan isi rumah B40 ke arah masyarakat kelas menengah merupakan teras utama dalam RMKe-11. Ia akan dilaksanakan melalui dua strategi utama iaitu meningkatkan pendapatan dankekayaan isi rumah B40 dan menangani kos sara hidup bagi memperkuuh isi rumah B40 supaya lebih berdaya maju, berdaya saing dan seterusnya berdaya tahan. Dalam pembentangan Bajet 2016 yang lalu, Kerajaan terus komited untuk meningkatkan kemudahan dan perkhidmatan awam serta memperkuuh sistem jaringan perlindungan sosial sedia ada bagi mengurangkan kesan krisis ekonomi kepada isi rumah B40. Dengan pelaksanaan inisiatif tersebut, Kerajaan yakin taraf

sosioekonomi isi rumah B40 akan terus meningkat dan seiring dengan kemajuan yang dikehendaki menjelang tahun 2020.

Sekian. Terima kasih.